



IBU PEJABAT,
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT,
MALAYSIA,
LEBUH WAWASAN, PRECINCT 7,
62250 PUTRAJAYA.

Telefon : 603-88880036
Faks : 603-88880962
Laman Web : www.bomba.gov.my
E-mail : korporat@bomba.gov.my

‘CEPAT DAN MESRA’

Ruj. Kami: JBPM:PAW/013/20/2 (56)

Tarikh : 9 Julai 2001

KENYATAAN MEDIA

PERASMIAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT, PENKALAN HULU, PERAK DARUL RIDZUAN

PENKALAN HULU 9 JULAI 2011 – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato Wira Chor Chee Heung memaklumkan bahawa Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia telah diperuntukan dengan bajet pembangunan sebanyak RM162.5 juta pada tahun 2011. Dengan peruntukan itu, sejumlah RM145.2 juta akan digunakan bagi sambungan 9 projek balai baru atau dinaiktaraf serta 7 projek ibupejabat negeri dan kuarters. Manakala sejumlah RM15 juta akan digunakan untuk pembelian jentera dan alat kelengkapan dan bakinya akan digunakan untuk perolehan tapak balai.

Beliau berkata demikian semasa perasmian Balai Bomba dan Penyelamat, Pengkalan Hulu yang disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Ibni Al-Marhum Sultan Yussuf Izzuddin Shah Ghafarullahu-lah.



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008
CERT. NO : AR 5037

Beliau juga memaklumkan bahawa sehingga kini telah terdapat 103 buah balai kategori A dan B yang beroperasi di bandar-bandar besar serta 155 buah balai kategori C yang beroperasi di bandar-bandar kecil. Cadangan pertambahan bilangan projek telah dilakukan melalui permohonan dalam "*Rolling Plan ke 2 RMK-10*" kepada pihak EPU untuk kelulusan 27 projek balai baru, 21 projek naik taraf, 1 projek pengkalan udara, 3 projek ibu pejabat negeri dan satu projek akademi baru. Cadangan ini meliputi seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Beliau berkata,"Balai Bomba dan Penyelamat Pengkalan Hulu merupakan satu projek balai kategori C dalam RMK9; yang telah siap dibina semula pada 5 Mei 2009 dengan kos RM6.4 juta. Dengan kekuatan 19 orang pegawai dan 2 unit jentera, balai ini akan memberikan perkhidmatan keselamatan kebakaran kepada 30 ribu orang penduduk dalam kawasan seluas 349.65km². Balai ini juga akan memberikan perkhidmatan bantuan kepada penduduk-penduduk kawasan Grik dan Baling".

Dikeluarkan Oleh :

Sobberi b. Basiran
Penolong Ketua Pengarah
Bahagian Pengurusan Korporat
Ibu pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia
sobberi_64@bomba.gov.my;